

SIARAN AKHBAR

S.A. 2023/02/10_06 (HQ)

TNB TINGKAT PACUAN PERALIHAN TENAGA SERANTAU MELALUI KERJASAMA DENGAN PEMAIN TENAGA UTAMA THAILAND

- Kerjasama dengan EGAT untuk mengkaji kebolehlaksanaan cadangan pengukuhan kesalinghubungan Semenanjung Malaysia-Thailand.
- MoU dengan Planet Utility bakal meneroka potensi RE dan peluang teknologi penjanaan tenaga di Thailand.
- MoU dengan B.Grimm meneroka peluang kerjasama, penyertaan & pembangunan TBB di Rantau Asia Tenggara

Tenaga Nasional Berhad (TNB) meningkatkan agenda Peralihan Tenaga bertanggungjawabnya melalui tiga cadangan kerjasama pemain-pemain tenaga utama di Thailand, untuk memanfaatkan permintaan serantau dan potensi tenaga hijau di ASEAN.

Melalui kerjasama itu, TNB berhasrat mengukuhkan kesalinghubungan tenaga ASEAN dan membolehkan setiap rakan kongsi memanfaatkan sumber masing-masing serta membangunkan infrastruktur berkaitan RE serantau.

“Kerjasama ini adalah langkah strategik untuk merealisasikan mercu tanda penting dalam plan Peralihan Tenaga bertanggungjawab kami dan komitmen keseluruhan hala tuju kelestarian TNB,” kata Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Dato’ Indera Ir. Baharin Din.

Beliau menyatakan keyakinan bahawa kerjasama itu akan mempercepatkan cita-cita neutral karbon setiap syarikat rakan kongsi dan mengukuhkan momentum pertumbuhan Tenaga Boleh Baharu (TBB) di rantau ASEAN.

“Dengan unjuran Agensi Tenaga Boleh Baharu Antarabangsa (IRENA) bahawa lebih 60% daripada penjanaan terpasang negara-negara ASEAN pada 2050 adalah bersumberkan TBB, iaitu sekurang-kurangnya 1,500GW kapasiti penjanaan, yang mana TNB berharap dapat menyertainya,” tambah Baharin.

Syarikat utiliti itu menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Pihak Berkuasa Penjanaan Elektrik Thailand (EGAT), pada 9 Februari 2023 di Bangkok, untuk menubuhkan Jawatankuasa Kerja Bersama bagi mengkaji kebolehlaksanaan cadangan peningkatan kapasiti kesalinghubungan di antara Semenanjung Malaysia dan Thailand.

Dua anak syarikat TNB iaitu TNB Renewables Sdn Bhd (TRe) dan TNB Power Generation Sdn Bhd (TNB Genco) menandatangani MoU masing-masing dengan Planet Utility Co. Ltd (PU) dan B.Grimm Power Public Co. Ltd (B.Grimm).

MoU TRe-PU adalah untuk meneroka potensi TBB dan peluang teknologi penjanaan di Thailand manakala MoU Genco-B.Grimm akan meneroka sebarang peluang untuk kerjasama, penyertaan dan pembangunan projek TBB di rantau ini.

Bagi MoU dengan PU, ia termasuk menilai pilihan strategik untuk pelaburan TBB berpotensi di Thailand merangkumi solar terapung, solar atas bumbung dan ladang solar yang akan menyumbang kepada pertumbuhan perniagaan TRe dan pengembangan pasaran.

Kerjasama itu bertujuan memanfaatkan kekuatan kedua-dua pihak dalam pelaburan dan pembangunan projek-projek TBB serta meneroka peluang lain di rantau ini.

Dalam MoU dengan B.Grimm pula, TNB Genco antara lain berhasrat untuk berkolaborasi, membangunkan bersama dan melabur dalam projek baru tenaga mampan pilihan bersama serta projek tenaga konvensional B.Grimm Power, di rantau Asia Tenggara.

Penglibatan dalam projek-projek ini dijangka menyokong pertumbuhan TNB Genco dan sasaran Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) selaras dengan aspirasi TNB untuk mencapai karbon sifar bersih menjelang 2050.

Majlis menandatangani MoU itu diadakan sempena lawatan rasmi pertama Perdana Menteri ke Bangkok yang mana Dato' Seri Anwar Ibrahim menyaksikan pertukaran dokumen ketiga-tiga MoU tersebut.

Baharin menjelaskan bahawa kajian kesalinghubungan grid Semenanjung-Thailand akan memudahkan integrasi TBB di rantau ASEAN dan meluaskan potensi perdagangan tenaga pelbagai hala serantau pada masa depan.

Beliau menambah kata, kerjasama dan penerokaan dengan rakan kongsi Thailand itu akan membolehkan lebih banyak lagi peluang perniagaan di peringkat serantau dan pada masa sama meningkatkan kapasiti TBB TNB.

TNB dalam empat inisiatifnya untuk mempercepatkan pacuan Peralihan Tenaga menuju kelestarian, meneruskan pelaburan besar Grid Masa Depan; mempercepatkan penyahkarbonan untuk meningkatkan nilai perusahaan portfolio penjanaannya, TNB Genco; memperluaskan pasaran tumpuan untuk mengembangkan TBB dan memberi tumpuan kepada pembangunan ekosistem kenderaan elektrik.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 10 Februari 2023, jam 5:30 petang

*Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Hanim Idris (019-2617617) /
Grace Tan (016-6626229) / Fazreen Eksan (019-3160401)
atau emel kami: media@tnb.com.my*



Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim (dua kanan) bersama Perdana Menteri Thailand, Prayuth Chan o-cha (kanan) menyaksikan pertukaran dokumen MOU di antara Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif, TNB, Dato' Indera Ir Baharin Din (kiri) dengan Gabenor EGAT, Boonyanit Wongrukmit (dua kiri) di Rumah Kerajaan Thailand pada 9 Februari 2023.



Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Dato' Indera Ir Baharin Din (dua kiri) dan Gabenor EGAT, Boonyanit Wongrukmit (dua kanan) menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) untuk menubuhkan Jawatankuasa Kerja Bersama bagi mengkaji kebolehlaksanaan cadangan peningkatan kapasiti kesalinghubungan di antara Semenanjung Malaysia dan Thailand, di Ibu Pejabat EGAT pada 9 Februari 2023.

Turut hadir Ketua Pegawai Pengurusan Pihak Berkepentingan & Kawal Selia TNB, Datuk Ts. Shamsul Ahmad (kiri sekali) dan Timbalan Gabenor Strategi EGAT, Prasertsak Cherngchawano (kanan sekali).



Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Dato' Indera Ir. Baharin Din